

# Vladimir Putin setuju adakan lawatan ke Malaysia

UM 16 MAR 2002

MOSCOW 15 Mac — Presiden Rusia, Vladimir Putin bersetuju untuk melawat Malaysia atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang disampaikan kepadanya dalam pertemuan mereka di sini semalam.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan mengenai hasil mesyuarat antara kerajaan Malaysia-Rusia, tarikh lawatan rasmi itu akan ditetapkan kemudian.

Kenyataan itu menegaskan bahawa pertemuan Dr. Mahathir dan Putin merupakan satu titik yang penting dalam hubungan antara dua negara itu. Mereka bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara kepentingan bersama termasuk perdagangan dan kerjasama ekonomi serta sosial, dan isu-isu antarabangsa seperti keganasan, kedamaian dan kestabilan rantau Asia-Pasifik.

Kedua-dua pemimpin antara lain juga bersetuju:

- \* Untuk menggalak dan memperkukuhkan kerjasama di bidang ekonomi, sains dan teknologi, pendidikan dan kebudayaan, dan mempelbagaikan jalinan perdagangan dan pelaburan.

- \* Menggalakkan pertukaran lawatan antara sektor kerajaan dan perniagaan serta meningkatkan aliran pelancongan kedua-dua negara.

- \* Meneruskan kerja menyiapkan

dokumen hubungan dua hala termasuk perjanjian antara kerajaan mengenai promosi dan perlindungan perdagangan, pendidikan, dan kerjasama saintifik dan teknikal.

- \* Memerangi keganasan antara-bangsa melalui perkongsian maklumat dan berasaskan undang-undang antarabangsa; bekerjasama rapat di peringkat dua hala serta dalam kerangka persetujuan antarabangsa dan serantau.

Rusia juga menyokong inisiatif Malaysia supaya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai isu penganan dan percaya ia memerlukan persediaan rapi.

- \* Menyelaraskan usaha-usaha bagi menyelesaikan konflik wilayah secara adil, bekerjasama dalam mencari jalan untuk menghadapi cabaran dan ancaman pada hari ini termasuk penyeludupan dadah dan senjata, dan membanteras ekstremisme etnik, nasional dan agama.

- \* Meneruskan interaksi dan kerjasama di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tujuan meningkatkan peranan dan kecekapan mekanisme kawalan keamanan bagi menjamin keselamatan dan kestabilan antarabangsa, dan menangani isu-isu serantau dan sedunia, serta menentukan penghalang kegiatan yang bercanggah dengan Piagam PBB dan undang-undang antarabangsa. — *Utusan*